

Tanaman kelapa di Jajahan Tumpat 1970-1980-an

Wan Nur Fatin Hanani Mohd Fauzai
Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasek Mutiara
14120, Simpang Ampat, Pulau Pinang

email: *fatinhananifauzai@gmail.com*

Received: 08 August 2023; **Accepted:** 05 December 2023; **Published:** 30 June 2023

To cite this article (APA): Mohd Fauzai, W. N. F. H. (2023). Tanaman kelapa di Jajahan Tumpat 1970-1980-an. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(1), 72–88. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol1.1.6.2023>

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang sejarah perkembangan tanaman kelapa di Jajahan Tumpat, Kelantan 1970-1980-an. Ia menggambarkan tentang latar belakang tanaman kelapa di Jajahan Tumpat sepanjang tempoh berkenaan di mana tanaman kelapa sedang mengalami krisis akibat kejatuhan harga kelapa di pasaran. Artikel ini turut merungkai perkembangan sepanjang tempoh berkenaan dengan berpandukan kepada maklumat yang diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder. Antara dokumen primer yang dirujuk adalah dokumen dan laporan rasmi kerajaan mengenai pertanian di Kelantan sepanjang tempoh kajian. Selain daripada perkembangan yang terjadi dalam penanaman kelapa sepanjang 1970-1980-an, kajian ini turut memfokuskan kepada usaha membangunkan semula tanaman kelapa di Jajahan Tumpat yang melibatkan agensi kerajaan yang bertanggungjawab kepada pertanian. Kajian mendapati bahawa, pengusaha kelapa di Jajahan Tumpat melalui tempoh yang penuh cabaran pada tahun 1970-1980-an kerana kemelesetan harga kelapa sepanjang tempoh tersebut. Sebagai usaha untuk mengatasi masalah berkenaan, pihak kerajaan melaksanakan Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa bagi membaik pulih tanah kebun kelapa. Rancangan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemulihan dan tanaman semula. Bantuan ini dan galakan pihak kerajaan melalui subsidi menggalakkan pekebun kecil menyertai rancangan ini. Secara umumnya, pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan agensi tertentu dalam membangunkan semula tanaman kelapa di Jajahan Tumpat. Melalui usaha tersebut dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran kelapa dan menambahkan pendapatan pekebun kecil.

Kata Kunci: Kelapa, Kemelesetan, Pertanian, Tanaman, Tumpat

Abstract

This study aims to explore the evolution of coconut farms in Tumpat, Kelantan, from 1970 to 1980. It provides a summary of the history of coconut farming in that region during the crisis that ensued from the decline in coconut prices during the course of this period of study. The discussions in this paper are based on information derived from primary and secondary sources, such as official reports and records as well as previous studies on the agricultural activities in Kelantan. This study also concentrates on the initiatives taken by government agencies, i.e., the Small Coconut Planters Development Plan, which was introduced to revitalise coconut plantations in Tumpat. This study found that the farmers who cultivated this crop were having

difficulty because of the low price at which coconuts were sold. However, they were able to gain from the plans and strategies delivered by the government. The strategy has been split into two parts: rehabilitation and replanting. It also included incentives to motivate the planters to concentrate on their crops. In summary, the government's and the relevant agencies' combined efforts have greatly increased Tumpat's coconut production and increased the income of all farmers involved.

Keywords: *Agriculture, Decline, Coconut, Crops Tumpat,*

Pengenalan

Tanaman kelapa merupakan tanaman keempat terpenting dari sudut ekonominya selepas getah, kelapa sawit dan padi. Ia menyumbang kepada sosioekonomi negara khususnya dalam pembasmian kemiskinan dalam kalangan pekebun kecil kelapa. Kemerosotan tanaman kelapa di Kelantan pada era tahun 1960 mendapat perhatian oleh pihak kerajaan. Makalah ini membincangkan usaha yang diambil bagi menangani masalah tersebut. Ia merujuk kepada rancangan pemulihan dan penanaman semula kelapa dilancarkan bagi memperbaiki penanaman kelapa yang kian merosot. Perbincangan dalam makalah ini menumpukan kepada usaha berkenaan di jajah Tumpat, Kelantan. Tumpat merupakan kawasan yang giat dengan aktiviti penanaman kelapa seperti kawasan pulau sungai di daerah Tumpat dan Sungai Pinang. Agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Persekutuan atau dikenali sebagai *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA) memainkan peranan penting dan mempunyai tugas tersendiri dalam sektor pertanian di Tumpat.

Latar Belakang Perusahaan Tanaman Kelapa Di Jajahan Tumpat

Jajahan Tumpat merupakan satu jajahan yang terlibat dalam tanaman kelapa. Berdasarkan ringkasan kluasan tanaman kekal tahun 1976, kluasan tanaman kelapa di Jajahan Tumpat adalah 6, 522 ekar dan anggaran kluasa tani berdasarkan penduduk luar bandar banci 1970 di Jajahan Tumpat adalah seramai 12 500 orang. Manakala bagi tahun 1982, anggaran bilangan kluasa tani berdasarkan penduduk luar bandar banci penduduk tahun 1980 seramai 12, 821 orang. Hal ini menunjukkan berlaku peningkatan bilangan kluasa tani dari tahun 1976 hingga 1982. Kluasan tanaman kelapa berdasarkan ringkasan tanaman kekal 1982 di Jajahan Tumpat ialah 2, 6672 hektar.¹ Peningkatan jumlah yang berlaku mencadangkan bahawa kegiatan penanaman kelapa di Tumpat bertahan dengan baik sepanjang tempoh kritikal dalam Sejarah Perusahaan kelapa di Malaysia.

Jenis tanaman kelapa yang terdapat di Jajahan Tumpat ialah kelapa tinggi Malaya atau *Malayan Tall*² atau dikenali sebagai kelapa biasa. Tanaman kelapa merupakan salah satu tanaman yang penting di Jajahan Tumpat dan menjadi satu sektor yang penting dalam menyumbang pendapatan pekebun kecil kelapa yang kebiasaannya terdiri daripada golongan miskin. Kawasan tanaman kelapa sebagai tanaman utama hanya terdapat dalam mukim Pengkalan Kubor, Tumpat dan Sungai Pinang.³

Jadual 1: Harga Pasaran Kelapa dalam Suku Pertama Tahun 1970

Jenis	Borong		Runcit	
	Bilangan	Harga (\$)	Bilangan	Harga (sen)
Kelapa biji	100 biji	20.00	1 biji	25
Kelapa kering (jemur)	1 pikul	32.00	-	-
Kelapa kering (salai)	1 pikul	32.00	-	-
Minyak kelapa	1 pikul	63.00	1 kati	65
Hampas kelapa	1 pikul	13.00	1 kati	15

Sumber: Laporan Suku Tahun Keempat, 1970 (Oktober-Disember). Jabatan Pertanian Kelantan. Hlm. 11.

Berdasarkan jadual 1, pasaran harga buah kelapa dalam suku tahun 1970, keseluruhannya meningkat sedikit jika dibandingkan dalam suku tahun 1969. Kenaikan harga pasaran bagi buah kelapa disebabkan oleh kekurangan bekalan buah kelapa.⁴ Semasa fenomena kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara dalam tahun 1980-an, berlaku kejatuhan harga beberapa jenis hasil tanaman mengancam pendapatan pekebun kecil di kawasan pulau yang banyak bergantung kepada hasil pendapatan daripada penjualan kelapa. Pada satu masa pendapatan bersih pekebun kecil bagi jualan 100 biji buah kelapa cuma \$2.00 sahaja.⁵

Semasa kejatuhan harga kelapa, minat pekebun kecil kelapa terhadap perusahaan kelapa semakin merosot.⁶ Keadaan ini memberi masalah yang rumit dan sukar di atasi kerana tanah kebun kelapa terbiar boleh mengakibatkan kerosakan disebabkan oleh serangan musuh seperti serangga perosak dan penyakit. Kebanyakan kebunan terbiar tanpa penjagaan rapi oleh para pekebun.

Kebanyakan tanah kelapa terbiar didapati di Jajahan Tumpat dan Bachok.⁷ Menurut Perangkaan Tanah Terbiar Dusun dan Kelapa Negeri Kelantan di Jajahan Tumpat tanah terbiar dalam tempoh kajian ini keseluruhannya seluas 875 ekar.⁸ Antaranya seperti daerah Sungai Pinang, yang mana tanah kelapa terbiar adalah 500 ekar melibatkan mukim Sungai Pinang, Kok Keli Timur dan Kampung Laut. Manakala di daerah Tumpat 40 ekar tanah terbiar di dua mukim iaitu Kelong dan Dalam Rhu. Sementara itu, di daerah Terbak pula tanah kelapa terbiar ialah 120 ekar merangkumi tanah di Talak, Periok, Becah Resal, Selehong Utara dan Selehong Selatan.⁹ Tanah terbiar ini memberi kesan yang ketara terhadap ekonomi kerajaan negeri apabila berlaku pembaziran tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian tidak dibangunkan. Tanah terbiar yang tidak dimanfaatkan menghadkan pengeluaran pertanian negeri. Sehubungan itu, selari dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk membangunkan tanah terbiar supaya dapat dimanfaatkan oleh pekebun kecil dan mendatangkan tahap pengeluaran yang tinggi kepada petani dan negeri.¹⁰

Oleh itu, bagi membangunkan tanah terbiar kelapa satu rancangan diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Rancangan Pemulihan dan Tanaman Semula Kelapa bagi kawasan Pantai Timur iaitu permulaan di daerah Kemumin, Kelantan pada awal tahun 1965.¹¹ Tujuannya rancangan ini untuk memberi bantuan kepada pekebun kecil kelapa untuk memperbaiki keadaan kebun yang terbiar dan merosot pendapatannya.¹²

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tanah kebun kelapa yang terbiar. Antaranya sejumlah besar pokok kelapa yang berumur 40 tahun ke atas terbiar dan mengeluarkan hasil yang tidak memuaskan.¹³ Selain itu, ia juga berpunca daripada dua masalah semulajadi iaitu

tanah yang kurang subur (tanah bris) dan hujan yang tidak sekata.¹⁴ Hujan yang tidak sekata menyebabkan berlakunya lebihnya air hujan, air laut pasang dan limpahan air Sungai Kelantan setiap penghujung tahun atau musim tengkujuh dan suhunya menjadi kering pada bulan Februari hingga Oktober.¹⁵ Semua faktor ini menyumbang kepada kejatuhan hasil yang kemudiannya menyebabkan kebun terbiar.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila pekebun kecil kelapa tidak menumpukan sepenuh masa kepada kebun kelapa mereka yang kecil saiznya dan tidak ekonomik.¹⁶ Mereka juga turut melakukan pekerjaan lain seperti bertukang, nelayan, buruh dan lain-lain lagi bagi menampung pendapatan mereka.¹⁷ Faktor tersebut menjadikan mereka kurang memberi perhatian terhadap kebun mereka dan tanah kebun terbiar. Tambahan itu, dianggarkan 30% tuan tanah kebun kelapa tinggal di tempat lain seperti bandar dan kawasan yang terdapat kemudahan asas menimbulkan masalah penjagaan kebun yang tidak sempurna.¹⁸ Kebanyakan pekebun kecil kelapa adalah terdiri daripada golongan miskin yang memerlukan pekerjaan yang boleh mendatangkan hasil segera dan cepat untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Sehubungan itu, kerajaan melaksanakan Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa pada tahun 1965 bagi membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa untuk memperbaiki kebun mereka supaya hasil dan pendapatan mereka bertambah.¹⁹ Rancangan ini memberi pelbagai peluang dan kemudahan kepada pekebun kecil kelapa untuk membangunkan kawasan kebun mereka. Dalam rancangan ini mereka turut diberi bantuan subsidi dari segi kewangan, baja, benih, perkhidmatan nasihat dan lain-lain. Tambahan itu, rancangan ini menjadi projek yang bertaraf tetap mulai tahun 1976.²⁰ Hal ini demikian kerana rancangan ini mendapat sambutan dan memberi banyak faedah kepada pekebun kecil kelapa. Jabatan Pertanian juga memainkan peranan sebagai penggerak rancangan ini melalui kempen yang dijalankan untuk menggalakkan pekebun kecil kelapa menyertai rancangan ini.²¹

Selain itu, terdapat syarat khas kepada pekebun kecil kelapa yang mengambil bahagian dalam rancangan pemulihan dan menanam semula kelapa mesti menanam satu daripada tanaman seperti pisang jelai, pisang berangan, kopi dan nenas.²² Jumlah bilangan pokok yang mesti ditanam ditentukan mengikut keadaan kebun masing-masing.²³ Tanaman lain seperti sayur-sayuran, ubi keledek, tembikai, kacang tanah dan tembakau digalakkan.²⁴ Rancangan ini bukan sahaja memberi bantuan untuk memperbaiki keadaan kebun kelapa yang terbiar. Namun, rancangan ini juga memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil kelapa supaya menggunakan tanah kebun kepala sepenuhnya dengan menanam tanaman sampingan untuk menambah pendapatan.²⁵ Ringkasnya, Rancangan ini memberi tunjuk ajar supaya menggunakan tanah kebun kelapa sepenuhnya dengan menanam tanaman sampingan bagi menambah pendapatan pekebun kecil kelapa. Ia juga merupakan syarat khas dalam rancangan pemulihan dan tanaman semula kelapa.

Antara tanaman sampingan yang dijalankan oleh pekebun kecil kelapa di Jajahan Tumpat adalah menanam padi, sayur-sayuran, buah-buahan, ubi kayu, jagung, nenas, tembikai dan lain-lain. Tanaman ini diklafikasikan sebagai tanaman makanan yang memiliki keluasan sebanyak 22, 765 ekar di Jajahan Tumpat pada tahun 1976.²⁶ Pada tahun 1982 keluasan tanaman makanan berjumlah 2,234.003 hektar²⁷ manakala pada tahun 1987 meningkat kepada 5 428.4 hektar²⁸.

Umumnya, padi merupakan tanaman utama yang giat dijalankan di Jajahan Tumpat. Tanaman padi sawah diusahakan secara meluas kerana Jajahan Tumpat memiliki dataran mendap dan delta-delta yang subur. Berdasarkan ringkasan tanaman makanan tahun 1976, keluasan

pertanian padi ialah 20, 900 ekar yang mempengaruhi tanaman yang lain.²⁹ Manakala, mengikut Ringkasan Keluasan Tanaman Makanan Tahun 1982 di Jajahan Tumpat, keluasan tanaman jagung ialah 89 hektar, nenas ialah 9.5 hektar dan pisang ialah 91 hektar.³⁰ Selain itu, tanaman sayur-sayuran juga giat dijalankan terutama dalam kalangan masyarakat Siam yang tinggal di daerah Terbak seperti sawi, kacang panjang, timun, terung, bendi dan lain-lain. Keluasan tanaman makanan pada tahun 1986 di Jajahan Tumpat adalah 453 ekar.³¹

Seterusnya, kedudukan Jajahan Tumpat yang bersempadan dengan Thailand menyediakan peluang yang luas kepada pekebun kecil di Jajahan Tumpat untuk memajukan tanaman buah-buahan.³² Keluasan tanaman buah-buahan di Jajahan Tumpat semakin meningkat iaitu 296 hektar pada tahun 1982 kepada 332 hektar pada tahun 1985. Manakala keluasan tanaman ubi kayu pada tahun 1976 ialah 259 ekar dan pada tahun seterusnya meningkat kerana permintaan yang tinggi terhadap ubi kayu.

Secara tidak langsung, tanaman selingan merupakan satu cara berkesan untuk meninggikan daya penghasilan, menentukan penggunaan tenaga dan tanah yang memuaskan serta meninggikan pendapatan.³³ Di samping itu, Jabatan Pertanian turut memainkan peranan yang penting dalam perkembangan industri pertanian di Jajahan Tumpat.

Perusahaan Kelapa di Jajahan Tumpat 1970-1980-an

Kebanyakan pekebun kecil kelapa mengalami tekanan sosial dan ekonomi yang sangat kuat. Hal ini demikian kerana pekebun kecil yang terlibat dalam tanaman kelapa adalah golongan “keluarga miskin” yang menerima pendapatan *per capita* kurang dari \$25.00 sebulan.³⁴ Antara faktor kemiskinan yang tinggi dalam kalangan pekebun kecil kelapa adalah disebabkan oleh keluasan kebun yang tidak ekonomik dan hasilnya yang rendah, kurang pengawasan, kurang pembajaan dan pokok kelapa tua.

Umumnya, pokok kelapa yang berumur 10 hingga 15 tahun mengeluarkan hasil yang memuaskan dan selepas itu pokok kelapa akan menjadi tirus atau kecil dan tidak berbuah lagi.³⁵ Lebih 50% bilangan pokok yang sedia ada berumur 60 tahun ke atas.³⁶ Masalah pemasaran hasil, harga rendah dan tidak stabil menyebabkan tidak terdapat pasaran dan harga yang terjamin seperti harga hasil kelapa kering atau bulat yang rendah dan tidak stabil.³⁷ Contohnya, pada tahun 1986, harga kelapa semakin merosot berikutan kemerosoton harga pasaran antarabangsa iaitu \$6 hingga \$8 sahaja bagi setiap 100 biji yang belum dikupas kulit, sebelum ditolak upah mengait \$3.³⁸ Keadaan ini merugikan pekebun kecil yang sedia maklum daripada golongan miskin.

Di samping itu, pekebun kecil kelapa tidak memberi perhatian yang penuh terhadap pembajaan pokok kelapa yang tua. Sikap pekebun kecil yang tidak memandang serius tentang pembajaan pokok kelapa tua menyebabkan hasil pengeluaran buah semakin berkurang.³⁹ Oleh itu, faktor ini menyebabkan daya pengeluaran kelapa semakin rendah kerana pekebun kecil kurang berminat untuk mengusaha tanaman kelapa kerana lambat mendatangkan hasil dan lebih berminat kepada tanaman yang cepat mendatangkan hasil seperti tembakau dan tembikar.⁴⁰ Sehubungan dengan itu, kerja pengembangan juga tidak begitu berkesan kerana terdapat pekebun kecil kelapa yang agak daif yang masih mengamalkan sistem pertanian tradisional dan sukar menerima perubahan.⁴¹

Selain itu, serangan serangga perosak pada tanaman kelapa menyebabkan kerosakan kepada tanaman kelapa. Antara jenis serangga perosak tanaman kelapa ialah kumbang tanduk, kumbang gajah dan ulat bulu (*Artona Cataxantha*). Jika pokok kelapa terkena serangan serangga boleh mengurangkan hasil buah, menyebabkan pokok berbuah kecil dan tidak mengeluarkan hasil langsung. Sekiranya serangan serangga perosak tidak diberi perhatian yang sewajarnya boleh mengakibatkan pokok kelapa mati.

Tanaman kelapa juga mempunyai penyakit yang merbahaya seperti penyakit tunas raput dan penyakit cendawan (*Pestalotiopsis Palmerum*). Penyakit tunas raput disebabkan oleh sejenis cendawan “*Pythophthora*” atau panahan petir.⁴² Ia boleh dikesan pada awalnya apabila didapati hujung daun patah dan akhirnya pelepas kelapa jatuh terkulai dan air juga didapati keluar meleleh dibatang pokok.⁴³ Manakala, penyakit cendawan (*Pestalotiopsis Palmerum*) disebabkan oleh cendawan yang menyerang bertompok-tompok pada daun berwarna kuning.⁴⁴ Akibat daripada serangan penyakit ini pokok kelapa tidak akan mengeluarkan buah dengan sempurna dan didapati selalu melawas.

Secara tidak langsung, keadaan ini merugikan pekebun kecil kelapa kerana bermasalah dengan serangan serangga perosak dan penyakit pada tanaman kelapa mereka. Pekebun kecil juga tidak mampu untuk membeli racun serangga kerana pendapatan yang diperoleh mereka adalah kecil. Oleh itu, serangan serangga perosak dan penyakit perlu dikawal dan di atasi supaya jangka hayat pokok dapat dijaga dan mengeluarkan hasil buah yang baik serta bermutu.

Rancangan Pemulihan Dan Rancangan Tanam Semula Kelapa

Keluasan kebun kelapa di Kelantan dianggarkan 40,000 ekar yang mana ia terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan berhampiran pantai dianggarkan 30,000 ekar manakala di kawasan pendalaman dianggarkan 10,000 ekar.⁴⁵ Rancangan Pemulihan dan Rancangan Menanam Semula Kelapa dimulakan di Kelantan pada tahun 1965 sebagai projek perintis di Kemunin, Jajahan Kota Bharu. Dalam rancangan ini, pekebun kecil kelapa juga diberi nasihat berkenaan cara-cara mengurus kebun dengan sempurna dan menanam tanaman lain untuk menambah hasil pendapatan mereka.

Pada awalnya, Rancangan Pemulihan dan Rancangan Tanam Semula Kelapa yang dijalankan di Kelantan kurang mendapat sambutan dalam kalangan pekebun kecil kelapa. Hal ini boleh dibuktikan berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima untuk memulih dan menanam semula kawasan seluas 1,000 ekar sahaja di Kemunin, Jajahan Kota Bharu.⁴⁶ Namun, rancangan ini mendapat kejayaan dalam rancangan percubaan yang dilancarkan di Kemunin, Jajahan Kota Bharu. Sejak dibuka, rancangan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan lebih kurang 85% daripada kawasan kelapa utama mengambil bahagian seperti Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Tumpat.

Tambahan itu, rancangan ini diperluaskan lagi di jajahan lain seperti jajahan Bachok dan Tumpat.⁴⁷ Hal ini boleh dibuktikan berdasarkan surat rasmi daripada Pegawai Tanam Semula Kelapa kepada Pegawai Jajahan Bachok dan Tumpat yang menyatakan berkaitan Rancangan Pemulihan dan Menanam Semula Kelapa, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Bahagian Timur bagi tahun 1973 untuk menerima permohonan bagi rancangan ini.

Bermula tahun 1972, Pejabat Pemulihan/Tanam Semula Kelapa, Bahagian Timur, Kelantan membuka permohonan rancangan ini kepada Jajahan Bachok dan Tumpat untuk permohonan rancangan bagi tahun 1973. Perkara ini dirujuk berdasarkan risalah yang dilampirkan bersama surat tersebut:

“Permohonan bagi rancangan tahun 1973, akan dimulai terima pada 1.10.1972 hingga 31.12.1972 di Pejabat-Pejabat Penggawa-Penggawa Daerah dan pejabat ini daripada daerah Tanjung Pauh, Perupok, Repek, Telong dalam Jajahan Bachok. Dalam Jajahan Tumpat bagi daerah-daerah Sungai Pinang semua mukim, Tumpat semua mukim melainkan Majlis Bandaran dan Pengkalan Kubor semua mukim melainkan mukim Simpangan”.

Tujuan dan fungsi rancangan ini dilaksanakan adalah untuk menyalurkan bantuan wang, mengeluarkan benih baik, menasihat cara pertanian yang sempurna dan supaya kesuburan kebun meningkat serta pendapatan bertambah.⁴⁸ Hal ini demikian untuk memberi galakan kepada kecil kelapa untuk menyertai rancangan ini bagi meningkatkan penghasilan buah kelapa dan memulihkan taraf ekonomi mereka yang diketegori sebagai miskin.

Rancangan ini juga menyalurkan bantuan bagi pemulihan dan tanaman semula kelapa di kebun kecil kelapa. Bantuan yang akan diberikan untuk pemulihan kebun kelapa sebanyak \$300 bagi seekar dan bantuan untuk menanam semula kelapa sebanyak \$500 seekar.⁴⁹ Bahan-bahan seperti baja dan benih disediakan oleh Jabatan Pertanian dan harganya ditolak daripada wang bantuan. Bantuan ini disalurkan secara berperingkat mengikut tempoh yang ditetapkan. (Lihat Jadual 2)

Jadual 2: Pembahagian Bantuan

Bantuan	Pemulihan	Tanam Semula
Pertama	\$200	\$300
Kedua	\$50	\$80
Ketiga	\$50	\$70
Keempat	-	\$50
Jumlah	\$300	\$500

Sumber: Pejabat Pemulihan/Tanam Semula Kelapa, Bahagian Timur, Kelantan Pada tahun 1972, Rancangan Pemulihan dan Menanam Semula

Tanaman kelapa bagi tahun 1973, melibatkan mukim dalam daerah di Jajahan Tumpat.⁵⁰ Daerah Sungai Pinang melibatkan semua mukim antaranya ialah Telok Renjuna, Pulau Besar, Mak Neralang dan Sungai Pinang. Manakala di daerah Pengkalan Kubor melibatkan mukim Tabal, Ketil dan Geting. Seterusnya di daerah Tumpat, mukim yang terlibat adalah Tumpat, Tujuh dan Kelaboran. Kemudian, bagi Rancangan Pemulihan dan Menanam Semula Kelapa bagi tahun 1974 hingga 1976, rancangan ini membuka satu lagi kawasan baru di Jajahan Tumpat iaitu di daerah Terbok yang melibatkan mukim Selehong Utara dan Selehong Selatan.⁵¹

Kawasan tersebut merupakan kawasan tanaman kelapa yang meluas kerana berhampiran pantai dan jenis tanah yang berpasir (tanah bris). Selain itu, kedudukan kawasan di tepi sungai juga menjadi faktor kepada kesesuaian tanaman kelapa sebagai contoh di Pulau Beluru, Pulau Besar dan Telok Renjuna.

Jadual 3: Kemajuan – Tempoh dan Masa

Keterangan/ Jajahan	Kota Bharu	Bachok	Tumpat
Masa	1965-1972	-	-
Sedang Berjalan	-	Ya	Ya
Tamat	Ya	1978	1978

Sumber: Pejabat Pemulihan/Tanam Semula Kelapa Bahagian Timur, Kelantan.n

Berdasarkan Jadual 3, menunjukkan kemajuan perlaksanaan Rancangan Pemulihan dan Tanam Semula Kelapa yang melibatkan Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Tumpat dalam tempoh yang ditetapkan. Kemajuan perlaksanaan rancangan ini juga boleh dilihat dari aspek tertubuhnya pejabat kelapa khas di Kelantan pada tahun 1965 iaitu Pejabat Pemulihan dan Tanam Semula Kelapa.⁵² Setiap jajahan yang terlibat akan diwakili oleh pegawai yang akan menjaga perkembangan rancangan ini.

Pada awalnya, Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa adalah bersifat sementara tetapi ia mula diberi taraf tetap pada tahun 1976. Rentetan daripada sambutan yang menggalakkan dan memberi banyak faedah kepada pekebun kecil kelapa, rancangan ini dijadikan projek bertaraf tetap pada tahun 1976 dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMT). Hal ini demikian kerana rancangan ini dapat mengurangkan kadar kemiskinan pekebun kecil kelapa. Malah, jika dilihat keseluruhannya dianggarkan pendapatan-pendapatan pekebun kecil kelapa bertambah antara 25% hingga 50% semasa menyertai rancangan ini.⁵³

Peranan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan memperuntukkan \$123 juta untuk kemajuan pertanian di Kelantan Utara seperti diumumkan oleh Tengku Tan Sri Razali sebagai Menteri Kewangan pada ketika itu:

*“Tengku Tan Sri Razali mengumumkan dua rancangan raksasa yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$269 juta akan dilaksanakan di Kelantan. Pertama, rancangan pembukaan tanah oleh felda seluas 36,000 ekar di Jajahan Ulu Kelantan dengan perbelanjaan kira-kira \$146 juta. Kedua, rancangan kemajuan pertanian Kelantan Utara yang menelan belanja kira-kira \$123 juta. 50% daripada perbelanjaan itu dibiayai oleh Bank Dunia, manakala 50% lagi dibiayai oleh Kerajaan Pusat”.*⁵⁴

Jabatan Pertanian merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam perkembangan pengeluaran pertanian. Jabatan Pertanian Persekutuan memberi peruntukan yang besar untuk Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa di negeri Kelantan.⁵⁵ Antara strategi yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa terbahagi kepada dua bahagian iaitu strategi sosioekonomi dan strategi pengeluaran.⁵⁶ Strategi sosiekonomi melibatkan perkembangan yang mana untuk memperkenalkan sistem perkembangan yang mengutamakan lawatan dan latihan, kemajuan masyarakat dan subsidi tanaman kepada pekebun kecil. Manakala strategi pengeluaran menekankan pendidikan dan latihan kepada pekebun kecil dalam menggunakan kaedah pertanian moden bagi menambah hasil pendapatan mereka.

Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa merupakan satu-satunya rancangan bantuan penuh untuk pekebun kecil yang mengusahakan tanaman kelapa. Bantuan ini dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu pemulihan dan tanaman semula.⁵⁷ Sumber kewangan untuk melaksanakan rancangan bantuan ini diperoleh daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan

Kerajaan Persekutuan. Antara rancangan bantuan yang diluluskan dalam RMT, bagi Rancangan Negeri untuk penanaman kelapa kawasan pendalaman sebanyak \$900 dan bagi Rancangan Persekutuan untuk Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa sebanyak \$4,349,400.⁵⁸

Tambahan itu, benih kelapa Mawa yang diberi ialah jenis kacukan (*Malayan Yeloow Dwraff x West African Tall*) yang mana sebelum ini hanya benih kelapa biasa (*Malayan Tall*) sahaja diberi.⁵⁹ Jabatan pertanian melaksanakan rancangan penanaman kelapa Mawa di Jajahan Tumpat dan tumpuannya adalah kawasan pendalaman yang terdiri daripada pulau sungai dalam daerah Tumpat dan Sungai Pinang. Antara kawasan yang terlibat seperti Pulau Tokong dan Pulau Besar.⁶⁰ Ini kerana kelapa ini didapati sesuai ditanam di kawasan yang kurang subur seperti ditanah berpasir.⁶¹ Jabatan Pertanian menggalakkan pekebun kecil kelapa menanam kelapa Mawa kerana baka ini memberikan hasil yang lebih cepat dan banyak berbanding kelapa biasa. Kelapa Mawa yang diperkenalkan pada tahun 1977, hasil kelapa daripada pekebun kecil kelapa dijangka meningkat tiga kali ganda.⁶²

Selain itu, Peranan Sistem Perkembangan Latihan dan Lawatan (2L) adalah meliputi perancangan pembangunan kawasan yang merangkumi tidak melebihi sepuluh kawasan perkhidmatan, di mana setiap kawasan perkhidmatan itu dikendalikan oleh seorang Juruteknik Pertanian.⁶³ Sistem Pekembangan 2L dikendalikan oleh Komponen Perkembangan iaitu menerusi lawatan dua mingguan yang dibuat oleh Juruteknik Pertanian dan juga pegawai perkembangan daripada jabatan atau agensi lain.⁶⁴ Sistem ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkuatkan dan memperkemaskan perkhidmatan perkembangan pertanian. Malah, sistem ini juga memberi tumpuan kepada pekebun kecil untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan.

Rancangan Pemulihan dan Tanam Semula Kelapa semakin berkembang dan mendapat sambutan selepas Sistem 2L dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1977.⁶⁵ Sebagaimana yang terdapat dalam Minit Mesyuarat 2L Kawasan Tumpat, iaitu Mesyuarat Pegawai Perkembangan Pejabat Pertanian Jajahan Tumpat yang diadakan setiap dua minggu menunjukkan terdapat peningkatan peserta dalam Rancangan Tanaman Kekal, Kelapa pendalaman atau Kelapa.

Jadual 4: Rancangan Tanaman Kekal, Kelapa Pendalaman Tahun 1979

Tarikh	Keluasan Tanah (ekar)	Bil. Peserta
8 Ogos	2.50	2
22 Ogos	10.25	13
19 Ogos	10.75	14

Sumber: Jabatan Pertanian Jajahan Tumpat Kelantan, 1979

Bantuan dan subsidi Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa yang melibatkan Rancangan Pemulihan dan Rancangan Tanam Semula Kelapa meningkat selepas rancangan ini menjadi rancangan tetap dalam RMT. Selepas RMT, pekebun kecil kelapa diberi bantuan sebanyak \$900 bagi rancangan menanam semula dalam tempoh lima tahun dan bantuan rancangan pemulihan diberikan sebanyak \$600 bagi seekor dalam tempoh tiga tahun.⁶⁶ Peningkatan dalam bantuan subsidi menggalakkan lagi para pekebun kecil untuk menyertai rancangan ini.

Jadual 5: Bantuan Pemulihan dan Tanaman Semula Kelapa Dalam RMT

Bantuan	Pemulihan	Tanam Semula
Pertama	\$360	\$420
Kedua	\$120	\$120
Ketiga	\$120	\$120
Keempat	-	\$120
Kelima	-	\$120
Jumlah	\$600	\$900

Sumber: Laporan Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. 18 Disember 1980. Hlm. 5.

Melalui Rancangan Malaysia Keempat (RMK4), Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa meneruskan usaha penampaikan bagi kerja yang dijalankan dalam RMT. Bantuan lanjutan diberikan kepada pekebun kecil kelapa yang tamat mengambil bahagian dalam rancangan pemulihan dan tanam semula kelapa dengan menggunakan benih kelapa.⁶⁷ Selain itu, kemudahan latihan turut diberikan kepada pekebun kecil dan para pegawai rancangan. Peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan dalam RMK4 sebanyak \$49,834, 000 untuk Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa.⁶⁸

Menerusi rancangan subsidi pada tahun 1981 hingga 1985 untuk penanaman kelapa kawasan pendalaman adalah untuk mengatasi kekurangan pengeluaran buah kelapa yang terdapat di kawasan pendalaman. Bantuan yang akan diberikan ialah anak pokok, baja kimia, racun musuh dan penyakit yang dikeluarkan dalam tempoh tiga hingga empat tahun.⁶⁹ Pada tahun pertama bantuan yang diberi adalah 50 pokok benih kelapa seekar, baja lubang dan baja kelapa muda. Bagi tahun kedua pula bantuan benih kelapa tidak melebihi 20%, baja kelapa tua dan racun serangga.⁷⁰ Seterusnya, pada tahun ketiga bantuan yang diberi adalah benih kelapa untuk tidak melebihi 10% seekar dan racun rumput rampai.

Rancangan Pembangunan Pekebun dengan Kerjasama Bank Dunia

Kerajaan Kelantan menjalankan projek Pembangunan pekebun dengan Kerjasama dengan Bank Dunia pada awal 1980-an. Ia dijalankan melalui Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa dan Komponen Ternakan Lembu Daging.⁷¹ Menurut Minit Mesyuarat bertarikh 6 Januari 1983 di Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan:

*“Projek Bank Dunia mengatakan projek yang bertaraf perintis ini adalah untuk membantu para pekebun kecil kelapa menternak/menggemukkan lembu-lembu bagi meningkatkan lagi hasil pendapatan dan produktiviti tanah dan ladang kelapa mereka”.*⁷²

Matlamat projek ini ialah supaya pendapatan pekebun kecil kelapa ditambahkan dari \$100 hingga \$500 sebulan.⁷³ Selain itu, menggalakkan penggunaan tanah kosong di dalam kebun kelapa dengan lebih produktif dengan menanam rumput yang bermutu tinggi untuk ternakan. Di Jajahan Tumpat kawasan yang terpilih untuk menyertai projek ini ialah Sungai Pinang, Tumpat dengan bilangan peserta seramai tujuh orang.⁷⁴ Antara nama peserta seperti berikut:

- 1) Che Yeah Bin Che Ahmad: Kampung Hutan Jambu, Sungai Pinang, Tumpat.
- 2) Wan Yusof Bin Mamat : Kampung Chat, Sungai Pinang, Tumpat.⁷⁵

Setiap peserta yang mengikuti projek ini diberikan bantuan subsidi untuk melaksanakan projek. Bantuan subsidi yang diperoleh oleh setiap peserta dibekalkan dengan bahan asas untuk memelihara lembu daging iaitu termasuk pembangunan padang rumput, *pasture*, pagar, kandang dan makanan sampingan.⁷⁶ Setiap peserta dihadkan untuk mendapat barang tersebut kepada \$690 sahaja. Selain itu, setiap peserta dibekalkan enam ekor anak lembu berumur dari 6 hingga 12 bulan (Lihat Jadual 6). Peserta dibenarkan memelihara lembu-lembu tersebut selama dua tahun atau sampai berat badan lembu mencecah 350 hingga 400 kilogram. Subsidi sebanyak \$100 seekor diberi dan harga asal ternakan diambil semula oleh kerajaan setelah penjualan berlaku.

Jadual 6: Bilangan Lembu yang Dibekalkan kepada Peserta

Kawasan	Bil. Peserta	Bil. Peserta Dapat Lembu	Jumlah Lembu
Sungai Pinang, Tumpat	7	6	11
Kampung Kulim, Pasir Puteh	9	9	18
Gunong, Bachok	13	13	40
Beris Lalang, Bachok	17	16	41
Jumlah	46	44	110

Sumber: Laporan Akhir Tahun 1983, Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Lembu Daging, Bahagian Timur, Kelantan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Hlm. 6.

Pemilihan dan pemberian lembu adalah mengikut keadaan dan prestasi penjagaan lembu-lembu yang ditunjukkan oleh peserta. Di Sungai Pinang, Tumpat peserta yang mendapat bekalan lembu hanya enam orang daripada tujuh peserta. Hal ini demikian kerana kejayaan yang dicapai tidak begitu memuaskan di Sungai Pinang, Tumpat.⁷⁷ Tambahan itu, timbangan berat badan anak-anak lembu dibuat tiga bulan sekali.⁷⁸ Program kesihatan juga diatur untuk sepanjang tahun, selain dari rawatan “*routine*”, (*deticking & dewoeming*) dibuat semasa menimbang lembu dan program kesihatan dibuat hampir setiap bulan disatu tempat khas untuk mengumpul lembu di setiap kampung.⁷⁹

Di samping itu, dalam aspek pengembangan pelbagai usaha dilakukan untuk mendidik para peserta mengenai cara pengurusan lembu-lembu daging dibuat semasa proses pemilihan peserta dan pembangunan padang rumput pasture.⁸⁰ Penerangan yang mendalam tentang program ini diberikan kepada peserta-peserta dan kerja-kerja yang bersangkutan sentiasa dikaitkan untuk menimbulkan perasaan perlu bertanggungjawab sekiranya dipilih untuk memelihara ternakan ini.

Peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Dalam bidang pemasaran kelapa, FAMA mewujudkan satu Rancangan Pemasaran Kelapa yang akan dilaksanakan di semua kawasan pengeluaran kelapa termasuk negeri Kelantan.⁸¹ Rancangan tersebut bukan sahaja melibatkan FAMA dalam mengawal kegiatan pembeli kelapa kering, FAMA juga melibatkan diri dalam perniagaan kelapa dan kelapa kering serta memproses kelapa kering.

FAMA meneruskan fungsi berdasarkan objektifnya, khususnya dalam membantu para pekebun memasarkan hasil keluaran mereka.⁸² Selain itu, FAMA juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan penguatkuasaan dalam pemberian dan pengeluaran lesen untuk bahan pertanian seperti kelapa, koko, sayur-sayuran dan lain-lain.

Pada tahun 1986, Jawatankuasa Perlesenan FAMA Kelantan meluluskan 106 lesen membeli kelapa bagi meningkatkan sokongan pemasaran kelapa di seluruh negeri. Daripada 106 pemegang lesen itu, 33 adalah di Jajahan Bachok, 25 di Jajahan Kota Bharu, 28 di Jajahan Tumpat, 19 di Jajahan Pasir Puteh, lima di Jajahan Machang, tiga di Jajahan Tanah Merah dan tiga di Pasir Mas.⁸³ Tambahan itu, pembeli atau peraih yang membeli kelapa melebihi lima pikul kelapa kering daripada pekebun kecil kelapa perlu mempunyai lesen. Bagi mereka yang menjalankan kegiatan ini tanpa lesen boleh dikenakan denda sehingga \$15 000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan \$25 000 atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kedua.⁸⁴ Syarat ini bertujuan untuk menolong pekebun kecil kelapa supaya tidak ditindas dan memudahkan FAMA mengetahui jumlah kelapa yang diurusniagakan di negeri Kelantan. FAMA juga sentiasa melatih pembeli berlesen kelapa dalam meningkatkan prestasi peniagaan dan mengendalikan serta menguruskan perniagaan supaya lebih cekap dalam menghadapi perkembangan mengenai harga.⁸⁵

Di samping itu, salah satu bentuk bantuan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa adalah melalui skim “Operasi Penyelamat”. Menurut Pengurus FAMA, sejak skim tersebut dilaksanakan pada bulan Ogos 1985, sejumlah 118.7 juta biji buah kelapa dibeli dengan perbelanjaan \$12.1 juta di seluruh negara.⁸⁶ Kelapa yang dibeli dibuat kelapa kering dan sebahagiannya dijadikan minyak di kilang FAMA sementara sebahagiannya lagi dijual di kilang swasta untuk dijadikan minyak.

Jumlah belian dan nilai meningkat pada tahun 1988 berbanding dengan 1987. Nilai belian pada tahun 1988 berjumlah \$247, 059. 79 berbanding dengan tahun tahun 1987 yang berjumlah \$133, 892. 74 iaitu peningkatan sebanyak 84.52%.⁸⁷ Selain itu, kopra merupakan komoditi utama dengan kuantiti berjumlah 289523.6 kilogram bernilai \$235, 287.90 dan kelapa biji berjumlah 16, 884 biji bernilai \$11, 771. 89. Bagi jumlah jualan pula bernilai \$279, 508. 06 yang terdiri daripada kopra kampung, kopra salai dan kelapa sayur.

KESIMPULAN

Perusahaan kelapa merupakan salah satu daripada punca pendapatan utama penduduk di Tumpat sepanjang tempoh kajian ini. Namun, terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam tempoh kemerosotan penanaman kelapa seperti kejatuhan harga, produktiviti yang rendah dan komitmen para petani. Bagi mengatasi keadaan ini, kerajaan negeri melalui agensi berkaitan menjalankan pelbagai usaha bagi memperbaiki keadaan. Ia termasuklah galakkan untuk mempelbagaikan tanaman di kebun kelapa, memperbaiki pengeluaran kelapa dan skim lain untuk meningkatkan pendapatan penanaman kelapa. Kejayaan yang dicapai dalam usaha mengatasi permasalahan dalam penanaman kelapa di Tumpat disumbang oleh agensi yang terlibat seperti Jabatan Pertanian dan FAMA. Penelitian kepada sejarah penanaman kelapa di Tumpat memperlihatkan bahawa penglibatan kolektif agensi bertanggungjawab adalah elemen utama dalam menentukan kejayaan sesebuah polisi yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh pegawai pertanian di Jajahan Tumpat yang banyak membantu penulis semasa menjalankan kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur*, 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan.
- Aktiviti-Aktiviti Jabatan Pertanian*. 1978. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.
- D.O.B. 252. *Rancangan Menanam Semula Kelapa. Catatan Untuk Persidangan Akhbar Dato' Pengerusi FAMA yang diadakan Pada 24 Februari 1973*. 1973. Jabatan FAMA Negeri Kelantan.
- D.O.B. 252. Rancangan Menanam Semula Kelapa. *Rancangan Pemulihan Dan Menanam Semula Kelapa Kementerian Pertanian Dan Perikanan Bahagian Pantai Timur*. 1967. Pejabat Pemulihan/Tanam Semula Kelapa.
- FAMA TM 123. Perancangan Pembangunan Kawasan. *Garis-Garis Panduan Untuk Perancangan Pembangunan Kawasan*. 1984. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
- Felcra (22-19) 182/6/7 JD II. Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian Dan Perikanan Negeri Kelantan. *Cadangan Tanaman Kelapa Koko Di Kawasan Kelapa Di Pulau-Pulau Tumpat Dan Sungai Pinang*. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. Jun 1986.
- K. 11/24. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. 1980. *Laporan Cawangan Rancangan Pemulehan Kelapa 1980*. Jabatan Pertanian.
- Kemajuan Perusahaan Kelapa*. 1980. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda Snd. Bhd.
- KK 330.9595121 KEL. *State Economy Planning Unit, Preliminary Draft Tumpat District Study February 1980*. Kota Bharu.
- KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Berjuta Ringgit Dibelanjakan Bantu Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa. *Utusan Malaysia*. 2 Oktober 1986.
- KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. FAMA Kelantan Luluskan 106 Lesen Beli Kelapa. *Berita Harian*. 10 Februari 1986.
- KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Pekebun Kelapa Di Kelantan, Terengganu Resah. *Berita Harian*. 28 Jun 1986.
- KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Peraih Kelapa Tanpa Lesen Akan Didenda. *Berita Harian*. 6 Mac 1987.
- Laporan Suku Tahun Keempat 1970 (Oktober-Disember)*. Jabatan Pertanian Kelantan.
- Laporan Tahunan FAMA Negeri Kelantan 1988*. Lembaga pemasaran Pertanian Persekutuan.
- Mahadi Ibrahim. 1966. Musuh Dan Penyakit Kelapa. Dlm. *Berita Pertanian Kelantan* (40).

Tanaman kelapa di Jajahan Tumpat 1970-1980-an

Membaja Dan Membaiki Pokok Kelapa Tua. Dlm. *Berita Pertanian Kelantan*. 1980. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Mohammed Halib, Shaaban Shahar. 1981. Perkembangan Perusahaan Tanaman Kelapa Di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. *Teknologi Pertanian* 2(2). Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian (MARDI).

Osman Yahya. Tugas-Tugas Baru Jabatan Pertanian: Banyak Rancangan Yang Menggalakkan. 1961. *Berita Harian*. 12 November: 4.

Pekebun-Pekebun Dapat Bantuan Tanam Semula. 1967. *Berita Harian*. 19 Julai: 6.

Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1976. 1977. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim.

Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1982. 1983. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim.

Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1986. 1987. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim.

Perangkaan Tanah-Tanah Terbiar Dusun Dan Kelapa Negeri Kelantan. 1986. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Laporan Akhir Tahun 1983 Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Lembu Daging, Bahagian Timur, Kelantan*. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan.

PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Minit Mesyuarat Projek Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Bank Dunia*. 1983. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Januari 30.

PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Surat Perjanjian Rancangan Pemeliharaan Lembu Daging Untuk Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa (Projek Bank Dunia)*. 1983. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan.

PKBS. K. N. 324 JLD: II. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kelantan. *Rancangan Memulih Dan Menanam Semula Kelapa Bahagian Timur*. 1975. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

PRK. KN. 2540 JLD: I: Rancangan Tanah Terbiar 1981. *Rancangan Tanah-Tanah Terbiar Syarat Rujukan*.

Profil Daerah Tumpat. 1986. Jabatan Penggawa Daerah Tumpat.

Profil Kelapa. 2009. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia.

Projek \$269 Juta Diantara Projek-Projek Rancangan Malaysia Ketiga Di Kelantan. Dlm. *Majalah Kelantan*. 1976. VIII (3).

Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Tumpat.
Majlis Daerah Tumpat.

Rancangan Subsidi, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Dalam Rancangan Malaysia Keempat
(1981-1985). Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Renchana Pemulihan Kelapa Kurang Sambutan. 1966. *Berita Harian* 4 Mei: 3.

Taklimat Rancangan Pembangunan Pertanian Jajahan Bachok. Disember 1983. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. 24 Disember

¹ Wan Nur Fatin Hanani Mohd Fauzai. 2015. Perusahaan Kelapa di Jajahan Tumjpat, 1970-1980-an. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UPSI.

² Kelapa Tinggi Malaya ialah kelapa tinggi yang berasal dari Malaysia dan ditanam meluas di kawasan pantai. Jenis pohon ini bersaiz besar dan ketinggiannya boleh mencapai 15 meter hingga 18 meter serta boleh hidup selama 80 tahun hingga 90 tahun. Ia juga mempunyai pertumbuhan yang cergas serta dapat tumbuh dipelbagai tanah. *Profil Kelapa.* 2009. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia.

³ KK 330.9595121 KEL. State Economy Planning Unit, Preliminary Draf Tumpat District Study February 1980. Kota Bharu. Hlm. 18.

⁴ *Laporan Suku Tahun Keempat 1970 (Oktober-Disember).* Jabatan Pertanian Kelantan. Hlm. 11.

⁵ Felcra (22-19) 182/6/7 JD II. Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian Dan Perikanan Negeri Kelantan. *Cadangan Tanaman Kelapa Koko Di Kawasan Kelapa Di Pulau-Pulau Tumpat Dan Sungai Pinang.* Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. Jun 1986. Hlm. 2.

⁶ K. 11/24. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. 1980. *Laporan Cawangan Rancangan Pemulihhan Kelapa 1980.* Jabatan Pertanian. Hlm. 8.

⁷ *Perangkaan Tanah-Tanah Terbiar Dusun Dan Kelapa Negeri Kelantan.* 1986. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 2.

⁸ *Ibid.* Hlm. 8-9.

⁹ *Ibid.* Hlm. 9.

¹⁰ PRK. KN. 2540 JLD: I: Rancangan Tanah Terbiar 1981. *Rancangan Tanah-Tanah Terbiar Syarat Rujukan.* Hlm. 2.

¹¹ D. O. P: P 7/1965. Rancangan Pemulihan dan Menanam Semula Kelapa. Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama. Hlm. 2.

¹² *Ibid.*

¹³ Kemajuan Perusahaan Kelapa. 1980. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda Snd. Bhd.

¹⁴ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur,* 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 1.

¹⁵ *Profil Daerah Tumpat.* 1986. Jabatan Penggawa Daerah Tumpat. Hlm. 3.

¹⁶ Tanah kebun kelapa yang tidak ekonomik bermaksud tanah-tanah kebun kelapa yang diusahakan dengan tanaman berkenaan tetapi kepadatan atau bilangan pokok kurang daripada bilangan yang disyorkan. *Perangkaan Tanah-Tanah Terbiar Dusun Dan Kelapa Negeri Kelantan.* 1986. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 1.

¹⁷ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur.* 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 1.

¹⁸ *Ibid.* Hlm. 5.

¹⁹ *Kemajuan Perusahaan Kelapa.* 1980.

²⁰ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur.* 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 2.

²¹ Osman Yahya. Tugas-Tugas Baru Jabatan Pertanian: Banyak Rancangan Yang Menggalakkan. 1961. *Berita Harian.* 12 November: 4.

²² D. O. P: P 7/1965. *Rancangan Pemulihan dan Menanam Semula Kelapa.* 1965. Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama. Hlm. 2.

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.* Hlm. 3.

- ²⁶ *Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1976*. 1977. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim. Hlm. 3.
- ²⁷ *Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1982*. 1983. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim. Hlm. 3.
- ²⁸ *Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1987*. 1988. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim. Hlm. 3.
- ²⁹ *Ibid.* Hlm. 3.
- ³⁰ *Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1982*. 1983. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim. Hlm. 3.
- ³¹ *Perangkaan Asas Pertanian Negeri Kelantan 1986*. 1987. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Darul Naim. Hlm. 7.
- ³² *Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Tumpat*. Majlis Daerah Tumpat. Hlm. 3-4.
- ³³ Mohammed Halib, Shaaban Shahar. 1981. Perkembangan Perusahaan Tanaman Kelapa Di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. *Teknologi Pertanian* 2(2). Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian (MARDI). Hlm. 108.
- ³⁴ *Ibid.* Hlm. 107.
- ³⁵ Membaja Dan Membaiki Pokok Kelapa Tua. Dlm. *Berita Pertanian Kelantan*. 1980. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 9.
- ³⁶ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur*. 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 1.
- ³⁷ *Ibid.*
- ³⁸ KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Pekebun Kelapa Di Kelantan, Terengganu Resah. *Berita Harian*. 28 Jun 1986.
- ³⁹ Membaja Dan Membaiki Pokok Kelapa Tua. Dlm. *Berita Pertanian Kelantan*. 1980. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 9.
- ⁴⁰ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur*. 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 6.
- ⁴¹ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur*. 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 6.
- ⁴² Mahadi Ibrahim. 1966. Musuh Dan Penyakit Kelapa. Dlm. *Berita Pertanian Kelantan* (40). Hlm. 10.
- ⁴³ *Ibid.*
- ⁴⁴ *Ibid.*
- ⁴⁵ PKBS. K. N. 324 JLD: II. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kelantan. *Rancangan Memulih Dan Menanam Semula Kelapa Bahagian Timur*. 1975. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Hlm. 3.
- ⁴⁶ Thalatha. Renchana Pemulihan Kelapa Kurang Sambutan. 1966. *Berita Harian* 4 Mei: 3.
- ⁴⁷ Thalatha. Renchana Pemulihan Kelapa Kurang Sambutan. 1966. *Berita Harian* 4 Mei: 3.
- ⁴⁸ PKBS. K. N. 324 JLD: II. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kelantan. *Rancangan Memulih Dan Menanam Semula Kelapa Bahagian Timur*. 1975. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Hlm. 3.
- ⁴⁹ Thalatha. Pekebun-Pekebun Dapat Bantuan Tanam Semula. 1967. *Berita Harian*. 19 Julai: 6.
- ⁵⁰ D.O.B. 252. Rancangan Menanam Semula Kelapa. *Rancangan Pemulihan Dan Menanam Semula Kelapa Kementerian Pertanian Dan Perikanan Bahagian Pantai Timur*. 1967. Pejabat Pemulihan/Tanam Semula Kelapa.
- ⁵¹ PKBS. K. N. 324 JLD: II. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kelantan. *Rancangan Memulih Dan Menanam Semula Kelapa Bahagian Timur*. 1975. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Hlm. 5.
- ⁵² *Ibid.*
- ⁵³ A. 16/12: II. Kelapa: Rancangan Kemajuan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Pinjaman Bank Dunia. *Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur*. 1981. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Kawasan Pantai Timur, Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 3.
- ⁵⁴ Projek \$269 Juta Diantara Projek-Projek Rancangan Malaysia Ketiga Di Kelantan. Dlm. *Majalah Kelantan*. 1976. VIII (3). Hlm. 8.
- ⁵⁵ *Aktiviti-Aktiviti Jabatan Pertanian*. 1978. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 3.
- ⁵⁶ *Ibid.*
- ⁵⁷ *Ibid.* Hlm. 7.
- ⁵⁸ *Ibid.*
- ⁵⁹ K. 11/24. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. 1980. *Laporan Cawangan Rancangan Pemulehan Kelapa 1980. Jabatan Pertanian*. Hlm. 5.

-
- ⁶⁰ Felcra (22-19) 182/6/7 JD II. Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian Dan Perikanan Negeri Kelantan. *Cadangan Tanaman Kelapa Koko Di Kawasan Kelapa Di Pulau-Pulau Tumpat Dan Sungai Pinang*. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. Jun 1986. Hlm. 6.
- ⁶¹ K. 11/24. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. 1980. *Laporan Cawangan Rancangan Pemulehan Kelapa 1980. Jabatan Pertanian*. Hlm. 5.
- ⁶² *Ibid.*
- ⁶³ FAMA TM 123. Perancangan Pembangunan Kawasan. *Garis-Garis Panduan Untuk Perancangan Pembangunan Kawasan*. 1984. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia. Hlm. 2.
- ⁶⁴ *Ibid.* Hlm. 5.
- ⁶⁵ *Taklimat Rancangan Pembangunan Pertanian Jajahan Bachok*. Disember 1983. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. 24 Disember. Hlm. 2.
- ⁶⁶ *Kemajuan Perusahaan Kelapa*. 1980.
- ⁶⁷ K. 11/24. Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa, Semenanjung Malaysia. *Laporan Cawangan Rancangan Pemulehan*. 1980. Jabatan Pertanian. Hlm. 8.
- ⁶⁸ *Rancangan Subsidi, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)*. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 17.
- ⁶⁹ *Rancangan Subsidi, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)*. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Hlm. 17.
- ⁷⁰ *Ibid.*
- ⁷¹ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Minit Mesyuarat Projek Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Bank Dunia*. 1983. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Januari 30. Hlm. 1.
- ⁷² *Ibid.*
- ⁷³ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Minit Mesyuarat Projek Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Bank Dunia*. 1983. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Januari 30. Hlm. 1.
- ⁷⁴ *Ibid.* Hlm. 4-5.
- ⁷⁵ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Surat Perjanjian Rancangan Pemeliharaan Lembu Daging Untuk Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa (Projek Bank Dunia)*. 1983. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan.
- ⁷⁶ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Minit Mesyuarat Projek Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Bank Dunia*. 1983. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Januari 30. Hlm. 2.
- ⁷⁷ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Minit Mesyuarat Projek Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Bank Dunia*. 1983. Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Januari 30. Hlm. 3.
- ⁷⁸ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Laporan Akhir Tahun 1983 Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Lembu Daging, Bahagian Timur, Kelantan*. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Hlm. 5.
- ⁷⁹ *Ibid.* Hlm. 7.
- ⁸⁰ PH (T) 029. Projek Bank Dunia. *Laporan Akhir Tahun 1983 Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Komponen Ternakan Lembu Daging, Bahagian Timur, Kelantan*. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Kelantan. Hlm. 7.
- ⁸¹ D.O.B. 252. *Rancangan Menanam Semula Kelapa. Catatan Untuk Persidangan Akhbar Dato' Pengurus FAMA yang diadakan Pada 24 Februari 1973*. 1973. Jabatan FAMA Negeri Kelantan.
- ⁸² KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Berjuta Ringgit Dibelanjakan Bantu Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa. *Utusan Malaysia*. 2 Oktober 1986.
- ⁸³ KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. FAMA Kelantan Luluskan 106 Lesen Beli Kelapa. *Berita Harian*. 10 Februari 1986.
- ⁸⁴ KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Peraih Kelapa Tanpa Lesen Akan Didenda. *Berita Harian*. 6 Mac 1987.
- ⁸⁵ KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. FAMA Kelantan Luluskan 106 Lesen Beli Kelapa. *Berita Harian*. 10 Februari 1986.
- ⁸⁶ KN 1008/JLD 3. FAMA: Keratan Akhbar. Berjuta Ringgit Dibelanjakan Bantu Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa. *Utusan Malaysia*. 2 Oktober 1986.
- ⁸⁷ *Laporan Tahunan FAMA Negeri Kelantan 1988*. Lembaga pemasaran Pertanian Persekutuan. Hlm. 36.